

**KAJIAN PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH
AL-NAFS MENURUT IBN ARABI DAN
JALALUDDIN AL-RUMI**

MUHAMMAD LATIFFI BIN MAHADZIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**KAJIAN PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH
AL-NAFS MENURUT IBN ARABI DAN
JALALUDDIN AL-RUMI**

oleh

MUHAMMAD LATIFFI BIN MAHADZIR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Segala puji dan puja dirafa'kan kehadiran Allah SWT yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana dengan segala kehendak-Nya. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Juga buat ahli keluarga serta para sahabat Baginda yang telah berjuang membawa risalah kemuliaan Islam ke seluruh alam.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpahan Rahmat dan keizinan-Nya telah menganugerahkan kepada saya nikmat kesihatan yang baik, kekuatan mental dan fizikal, keazaman yang tinggi serta kesabaran yang kuat di hati, akhirnya saya dapat menyempurnakan penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah dalam Pengajian Tamadun pengkhususan Tokoh Pemikiran Islam di Universiti Sains Malaysia.

Di dalam limpahan Rahmat-Nya itu, saya merakamkan jutaan penghargaan yang tiada penghujungnya buat kedua insan yang paling istimewa dalam hidup saya iaitu bapa tersayang Hj. Mahadzir bin Ahmad dan ibu tercinta Hj. Dariah binti Khalid di atas doa keramat yang tidak pernah luntur meniti di bibir pada setiap kali selesai mentaati Titah Perintah Tuhan Pemilik Alam. Segala pengorbanan dan nasihat serta galakan semangat yang diberi untuk saya terus berusaha menyiapkan penyelidikan serta penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT merahmati kalian di dunia dan di akhirat.

Tidak lupa juga, jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada Y.Brs. Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin, Penyelia Utama dan juga buat Y.Brs Dr. Mohd. Afifuddin Mohamad, Penyelia Bersama. Mereka telah banyak membantu, memberi dorongan dan pengajaran berharga tanpa mengira masa sehinggalah kajian dan penulisan ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Saya doakan agar kedua-dua mereka mendapat rahmat dan keredhaan daripada Allah SWT di dunia dan juga di akhirat. Sejujurnya, segala tunjuk ajar dan bimbingan kedua-dua penyeldia ini tidak akan saya lupakan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menghulurkan ucapan jutaan terima kasih buat isteri tercinta Rafidah binti Ramya @ Abd. Rahim di atas pertolongan, semangat dan sokongan yang diberikan serta anak-anak yang dikasihi Muhammad Fawwaz, Muhammad Fawzan, Hannan Ibtisam dan Muhammad Hazim yang menjadi sumber inspirasi untuk saya terus berjaya hingga ke akhirnya. Buat adik-adikku sekalian, kalian juga merupakan pencetus ilham dan pembakar semangat agar kejayaan ini menjadi kenyataan.

Buat mantan Ketua Jabatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana keizinan beliau untuk saya menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah serta dorongan dan motivasi yang sentiasa diberikan agar terus berusaha hingga ke akhirnya. Tidak lupa juga buat pihak pengurusan Universiti Sains Malaysia, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian hingga ke peringkat Doktor Falsafah serta pengecualian yuran yang telah diberikan sepanjang pengajian.

Selain itu, terima kasih juga kepada pihak pengurusan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Sains Malaysia di atas segala bantuan dan kemudahan yang telah disalurkan sepanjang kajian dan penulisan ini dilaksanakan. Buat rakan-rakan seperjuangan dan juga sahabat handai yang memberi galakan, semoga Allah SWT memberikan limpah Rahmat-Nya ke atas kalian semua.

Khas buat insan yang pernah saya bekerja di bawah pentadbirannya di Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, Mantan Pengarah Profesor Madya Hj. Nasirun Mohd. Salleh. Beliau merupakan individu yang begitu optimis melihat staf-stafnya berjaya di dalam pelbagai bidang khususnya di arena akademik. Justeru, saya juga turut ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat beliau di atas kata-kata semangat dan dorongan sehingga tesis ini berjaya disiapkan dengan sempurna.

Selain itu, di kesempatan ini juga, ucapan terima kasih tidak dilupakan buat sahabat-sahabat dan rakan-rakan yang sentiasa menyokong usaha murni di dalam perjuangan menuntut ilmu hingga sampai ke penghujung. Jasakan kalian tetap tidak dilupakan. Akhir kalam, terima kasih kepada semua. Alhamdulillah akhirnya tesis ini berjaya disempurnakan dengan jayanya. Semoga penulisan tesis ini menjadi sebuah penulisan yang bermanfaat untuk semua. *Amin Ya Rabbal 'Alamin.*

MUHAMMAD LATIFFI BIN MAHADZIR

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	7
1.2 Kajian Literatur	16
1.2.1 Kajian Lepas	16
1.2.2 Sorotan Karya	30
1.3 Analisis Kajian Lepas dan Sorotan Karya	38
1.4 Objektif Kajian	40
1.4.1 Persoalan Kajian	41
1.5 Skop Kajian	43
1.6 Kepentingan Kajian	43
1.7 Metodologi Penyelidikan	44
1.8 Organisasi Kajian	46
1.9 Penutup	48
BAB 2 KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS MENURUT ILMUWAN ISLAM.....	49

2.0	Pengenalan	49
2.1	Definisi Tazkiyah	49
2.2	Definisi al-Nafs	56
2.3	Definisi Tazkiyah al-Nafs	70
2.4	Hubungan Tazkiyah al-Nafs dengan Ilmu	77
2.5	Hubungan Tazkiyah al-Nafs dengan Tauhid	84
2.6	Hubungan Tazkiyah al-Nafs dengan Pemikiran	94
2.7	Hubungan Tazkiyah al-Nafs dan Akhlak	98
2.8	Tazkiyah Al-Nafs Menurut Pandangan Ilmuwan Islam	105
2.8.1	Imam al-Ghazali	105
2.8.2	Sheikh Abdul Qadir al-Mandili	109
2.8.3	Hamka	111
2.8.4	Said Hawwa	114
2.9	Kesimpulan	118
BAB 3 PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS MENURUT IBN ARABI DAN JALALUDDIN AL-RUMI		121
3.0	Pendahuluan	121
3.1	Latar Belakang serta Sejarah Hidup Ibn Arabi	124
3.2	Sumbangan dan Karya-karya Ibn Arabi	127
3.3	Pandangan Ke Atas Ibn Arabi	133
3.4	Latar Belakang serta Sejarah Hidup Jalaluddin al-Rumi	136
3.5	Sumbangan dan Karya-karya Jalaluddin al-Rumi	143
3.6	Pandangan ke atas Jalaluddin al-Rumi	148
3.7	Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Ibn Arabi	155

3.7.1	Elemen Khauf	157
3.7.2	Elemen Tawadhu'	159
3.7.3	Elemen Syukur	161
3.7.4	Elemen Ikhlas	167
3.8	Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Jalaluddin al-Rumi	172
3.8.1	Elemen Taubat	173
3.8.2	Elemen Zuhud	176
3.8.3	Elemen Sabar	181
3.8.4	Elemen Tawakal	185
3.9	Perbezaan Dan Persamaan Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi	189
3.10	Kesimpulan	191
BAB 4	RUMUSAN PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS MENURUT IBN ARABI DAN JALALUDDIN AL-RUMI	194
4.0	Pengenalan	194
4.1	Rumusan Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi	195
4.1.1	Elemen Khauf	197
4.1.2	Elemen Tawadhu'	199
4.1.3	Elemen Syukur	200
4.1.4	Elemen Ikhlas	202
4.1.5	Elemen Taubat	203
4.1.6	Elemen Zuhud	203
4.1.7	Elemen Sabar	205
4.1.8	Elemen Tawakal	207

4.2	Pola Perbandingan Konsep Tazkiyah al-Nafs Antara Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi	209
4.5	Kesimpulan	213
BAB 5 DAPATAN KAJIAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN		217
5.0	Pengenalan	217
5.1	Dapatan Kajian dan Perbincangan	217
5.2	Cadangan	229
5.3	Kesimpulan	230
BIBLIOGRAFI		237
LAMPIRAN		

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.0	Objektif dan persoalan kajian42
Rajah 3.0	Jadual karya-karya Ibn Arabi mengikut kronologi132
Rajah 3.1	Konsep syukur Sa'id Hawwa daripada Imam al-Ghazali165
Rajah 3.2	Konsep amalan ikhlas yang diterima menurut Imam Ibn Katsir170
Rajah 3.3	Kalimah “ <i>Tawakal</i> ” yang disebut di dalam al-Quran186
Rajah 4.0	Pola Perbandingan Konsep Tazkiyah al-Nafs antara Ibn Arabi & Jalaluddin al-Rumi209
Rajah 5.0	Ringkasan konsep <i>Tazkiyah al-Nafs</i> Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi222

SENARAI KEPENDEKAN

Abd.	Abdul
B.	Bin
Bil.	Bilangan
Bt.	Binti
Dis.	Disember
Dr.	Doktor (Ph.d)
H	Hijrah
Hj.	Haji
Hlm.	Halaman
Ibid	“ <i>Ibidem</i> ” bererti sama dengan rujukan yang disebut di atas
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jld.	Jilid
M	Masihi
Mohd.	Mohammad
Prof.	Profesor
R.a	<i>Radiallahu A’nhu</i>
Ruj.	Rujukan
SAW	<i>Sallahu ‘Alaihi Wassalam</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SWT	<i>Subhanahu Wata’ala</i>
Terj.	Terjemahan

KAJIAN PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS MENURUT IBN ARABI DAN JALALUDDIN AL-RUMI

ABSTRAK

Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi masing-masing merupakan Pemikir Islam dan Penyair Sufi mistik yang terkenal di dunia Islam dan Barat. Ibn Arabi adalah gelaran kepada Muhyiddin Abu Abdullah Muhammad ibn Ali ibn Muhammad ibn al-Arabi al-Hatimi al-Ta'i. Beliau lebih dikenali dengan gelaran al-Hatimi dan Ibn Arabi di Timur. Manakala di Barat beliau hanya dikenali dengan Ibn Arabi. Sementara itu, seorang lagi tokoh iaitu Maulana Jalaluddin al-Rumi. Beliau merupakan seorang Penyair Sufi mistik yang dilahirkan di Balkh. Jalaluddin al-Rumi juga diberi gelaran "*Maulana*". Kedua-dua tokoh ini memberi sumbangan besar dalam bidang kejiwaan khususnya dalam menghuraikan berkaitan dengan kaedah Penyucian Jiwa (*Tazkiyah al-Nafs*) melalui pendekatan unik masing-masing. Justeru, kajian ini telah menjadikan kitab yang ditulis oleh kedua-dua tokoh iaitu *Futuh al-Makiyyah* yang dikarang oleh Ibn Arabi dan kitab *Mastnawi* yang ditulis oleh Jalaluddin al-Rumi sebagai sumber pengkajian berkaitan *Tazkiyah al-Nafs*. Terdapat tiga objektif kajian di dalam penulisan ini. Pertama, mengenalpasti konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut ilmuwan Islam. Kedua, membandingkan konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi. Ketiga, merumuskan konsep *Tazkiyah al-Nafs* Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi. Penyelidikan ini merupakan kajian deskriptif. Metod pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah perpustakaan berasaskan kepada kitab yang ditulis oleh kedua-dua tokoh tersebut. Analisis kajian menggunakan kaedah deduktif, induktif dan komparatif. Dapatan kajian ini membuktikan Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi merupakan ilmuwan yang

unggul pada era mereka. Pemikiran dan falsafah mereka juga telah mempengaruhi tokoh-tokoh pemikir Islam mahupun yang bukan Islam. Kajian ini juga turut membuktikan bahawa Konsep *Tazkiyah al-Nafs* Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi adalah sebuah konsep yang mendidik jiwa dan hati manusia yang unik bagi melahirkan peribadi unggul seseorang individu. Konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang digagaskan oleh kedua-dua tokoh ini mampu melahirkan hubungan yang erat antara hamba dan Pencipta dan yang terakhir, kajian telah membuktikan kedua-dua sarjana Islam ini merupakan tokoh pemikir Islam yang kreatif dalam menghidupkan proses Penyucian Jiwa secara harmonis berasaskan kaedah tersendiri yang tidak bercanggah daripada ajaran Rasulullah SAW serta sesuai dipraktikan pada zaman kini.

**COMPARATIVE STUDY OF THE CONCEPT OF TAZKIYAH AL-NAFS
ACCORDING TO IBN ARABI AND JALALUDDIN AL-RUMI**

ABSTRACT

Ibn Arabi and Jalaluddin al-Rumi are renowned Islamic thinkers and mystical Sufi poets in the Islamic and Western worlds. Ibn Arabi is the title given to Muhyiddin Abu Abdullah Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad Ibn al-Arabi al-Hatimi. He is best known in the East through the titles of al-Hatimi and Ibn Arabi. While in the West he is known only as Ibn Arabi. Meanwhile, another figure is Maulana Jalaluddin al-Rumi. He was a mystical Sufi Poet born in the Balkh. Even Jalaluddin al-Rumi received the nickname "*Maulana*". Both of these figures make a significant contribution to the field of psychology, particular by explaining the method of Purification of the Soul (*Tazkiyah al-Nafs*) through their unique approach. This research has therefore rendered the book written by the two figures *Futuhat al-Makiyyah*, written by Ibn Arabi, and the book *Mastnawi*, written by Jalaluddin al-Rumi, a source of analysis relating to *Tazkiyah al-Nafs*. This writing contains three research goals. First, identify the concept of Tazkiyah al-Nafs according to Islamic scholars. Second, comparing the concept of Tazkiyah al-Nafs according to Ibn Arabi and Jalaluddin al-Rumi. While the Thirdly, formulated the concept of Tazkiyah al-Nafs Ibn Arabi and Jalaluddin al-Rumi. This study is descriptive. The method used for data collection is the library system based on the books written by the two figures. The study was analyzed using deductive, inductive and comparative methods. The findings of this study prove that Ibn Arabi and Jalaluddin al-Rumi were the superior scientists of their era. Their philosophies and thoughts also influenced both Islamic and non-Muslim thinkers. This study also proves that the

philosophy of *Tazkiyah al-Nafs* Ibn Arabi and Jalaluddin al-Rumi is a philosophy which educates the soul and heart of a specific human being in order to produce an individual's superior personality. The *Tazkiyah al-Nafs* idea conceived by these two individuals was able to establish an intimate relationship between the servant and the Creator and, finally, the study showed that both Islamic scholars are creative Islamic thinkers in harmonizing the process of purification of the soul on the basis of their own approach which is not in conflict with the teachings of the Messenger of Allah and is relevant enough to be practiced today.

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Perkataan ‘*al-Tazkiyah*’¹ adalah daripada bahasa Arab yang membawa maksud ‘pembersihan’ atau ‘penyucian’. Justeru, amalan seseorang di dalam bersedekah dan mengeluarkan zakat adalah istilah yang terbit daripada kata akar bagi perkataan ‘*Tazkiyah*’. Hal ini kerana melalui pengeluaran sedekah serta zakat tersebut, harta berkenaan akan menjadi bersih dan suci disebabkan hasil daripada aktiviti mengeluarkan hak-hak Allah SWT².

Manakala istilah ‘*al-Nafs*’³ pula seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali, ianya merujuk kepada pengertian yang menyentuh semua sifat amarah serta hawa nafsu yang ada di dalam diri manusia. Lazimnya ia menjadi punca kepada semua sifat-sifat yang tidak baik yang muncul daripada peribadi manusia. Manakala maksud yang kedua daripada maksud “*al-Nafs*” pula ialah hal keadaan diri manusia itu sendiri⁴.

¹ Penyucian (*al-Tazkiyah*) dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *zaka*’ (زَكَا - يَزْكُو - زَكَاءٌ) yang bererti suci. *Al-Tazkiyah* (التَّزْكِيَّة) bererti tumbuh, suci dan berkat. Lihat, Jamal al-Din Ibn Muhammad Ibn Makram Ibn Manzur (t.th), *Lisan al-Arab*, Beirut : Dar Sadir, jld. 16, hlm. 358. Lihat juga, Che Zarrina & Nor Azlinah (2016) : Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs, *Jurnal Afkar Vol. 18 Special Issue*, 35-72, hlm. 45.

² Zakaria Stapa (2012), *Pendekatan Tasawuf Dan Tarekat, Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, Bangi : UKM, hlm. 57. Lihat juga, Farid, Ahmad (Ed.), t.th. *Tazkiyat al-Nufus Wa Tarbiyatuha Kama Yuqarriruhu Ulama’ al-Salaf*, Beirut : Dar al-Qalam

³ *Al-Nafs* dapat diistilahkan kepada dua maksud iaitu jiwa yang membawa maksud roh dan keduanya pula adalah jiwa yang bermaksud sesuatu atau hakikat. Lihat, Jamal al-Din Ibn Muhammad Ibn Makram Ibn Manzur (t.th), *Lisan al-Arab*, Beirut : Dar Sadir, jld. 6, hlm. 233. Lihat juga, Che Zarrina & Nor Azlinah (2016) : Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs, *Jurnal Afkar Vol. 18 Special Issue*, 35-72, hlm. 47

⁴ Zakaria Stapa (2012), *Pendekatan Tasawuf Dan Tarekat, Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, Bangi : UKM, hlm. 57. Lihat juga, Muhammad Yusuf Khalid (2011), *Pengenalan Ilmu Tasawuf Untuk Remaja Islam*, Negeri Sembilan : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), hlm. 11. Lihat juga, Al-Ghazali (t.th), *al-Munqidh Min al-Dhalal*. Lihat juga, *al-Tasawwuf al-Islami : Shakhshiyyat Wa Nusus*, Disunting oleh Abd. Halim Mahmud, Al-Qahirah : Dar al-Sharq al-A’rabi Li al-Thiba’ah

Justeru, melalui kedua-dua istilah ini, *Tazkiyah al-Nafs* bermaksud proses membersihkan atau menyucikan diri manusia, hati, jiwa dan hawa nafsu. Hal ini kerana ianya menjadi punca kepada semua sifat yang tidak baik yang terdapat pada peribadi dan diri manusia. Oleh yang demikian, *Tazkiyah al-Nafs* di dalam bidang spiritual Islam adalah merujuk kepada usaha untuk menyucikan hakikat atau zat diri manusia daripada segala sifat *mazmumah* lalu digantikan dengan sifat *mahmudah*. Proses ini mempunyai dua dimensi iaitu proses membuang sifat yang tercela yang memenuhi ruang di segenap dalam diri manusia. Proses ini dikenali sebagai ‘*al-Takhalli*’⁵. Manakala proses menghias hati, jiwa dan peribadi manusia dengan sifat-sifat yang terpuji pula dikenali sebagai ‘*al-Tahalli*’⁶.

Oleh yang demikian, tugas sebagai khalifah adalah tidak sesuai melainkan untuk manusia yang mempunyai jiwa bersih dan telah berjaya menghilangkan segala kotoran dan najis yang terdapat padanya. Penyucian jiwa atau *Tazkiyah al-Nafs* terdiri daripada dua perkara penting iaitu ‘*Takhalli*’ atau ‘*Takhliyyah*’ (kosongkan hati dan jiwa daripada segala sifat yang tercela) dan ‘*Tahalli*’ atau ‘*Tahliyyah*’ (menghias hati, jiwa dan diri dengan sifat-sifat yang terpuji). Selain itu, *Tazkiyah al-Nafs* juga turut merangkumi istilah ‘*Takhalluq*’ (berperangai baik), ‘*Tahaqquq*’ (mewujudkan sifat-sifat terpuji) dan ‘*Tathhir*’ (penyucian)⁷.

⁵ *Al-Takhalli* membawa maksud mengosongkan jiwa dari segala sifat buruk seperti, sombong, dengki, iri, cinta dunia, riya’, dan sebagainya – Lihat : Dr. Makmun Gharib (2014), *Sheikh Abu al-Hassan al-Syadzili, Kisah Hidup Sang Wali dan Pesan-pesan Yang Menghidupkan Hati*, Jakarta : Penerbit Zaman, hlm. 63

⁶ Ibid, hlm. 58. Lihat juga, Mohd. Sulaiman Yasin (1992), *Akhlaq Dan Tasawuf*, Bangi : Yayasan Salman
Al-Tahalli membawa maksud menghiasi jiwa dan hati dengan sifat-sifat mulia, seperti jujur, amanah, berkasih-sayang, bantu-membantu, bersabar, ikhlas, dan sebagainya – Lihat : Zainal Abidin & Fathurrohman (2009), *Bimbingan Spiritual 5+, Menyembuhkan Penyakit dan Menenangkan Jiwa*, Jakarta Selatan : Penerbit Hikmah, hlm. 46

⁷ Anshari Ismail (2001), *Konsep Sa’adah : Tinjauan Kritis Ke Atas Pemikiran Al-Ghazali Dan Ibn Arabi*, Tesis Sarjana, USM

Terdapat ramai orang tokoh yang melalui jalan sufi telah memperkenalkan konsep *Tazkiyah al-Nafs* di dalam proses membentuk jati diri mukmin yang diredhai Allah SWT. Antaranya Imam al-Ghazali, Al-Junayd al-Baghdadi, Omar Khayyam dan lain-lain lagi⁸. Oleh yang demikian, penulis telah memilih untuk mengkaji konsep menurut pandangan tokoh ilmuwan Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi.

Ibn Arabi⁹, merupakan seorang ilmuwan falsafah ulung di Andalusia. Selain itu, Ibn Arabi turut dikenali sebagai seorang ahli sufi yang tersohor. Nama sebenar Ibn Arabi adalah Muhyiddin Abu Abdullah Muhammad ibn Ali ibn Muhammad ibn al-Arabi al-Hatimi al-Ta'i¹⁰ atau lebih dikenali sebagai Ibn Arabi. Beliau telah dilahirkan di sebuah daerah yang dikenali sebagai Murcia di Sepanyol bersamaan dengan 17 Ramadhan 560H iaitu pada tanggal 28 Julai 1165M semasa pemerintahan Muhammad Ibn Mardanish¹¹.

Ketika berusia 20 tahun, Ibn 'Arabi meninggalkan Sevilla untuk mengelilingi Andalusia bagi mendalami ilmu tasawuf¹². Semasa di dalam perjalanannya, Ibn Arabi singgah di Cordova. Di sana beliau bertemu dengan Ibn Rusyd, salah seorang ilmuwan tersohor tentang falsafah Aristoteles. Ketika pertemuan tersebut masing-

⁸ Idries Shah (1999), *Jalan Sufi*, Surabaya : Risalah Gusti, hlm. 51-114

⁹ Ibn Arabi dikenali sebagai Sheikh al-Akbar yang bermaksud Sheikh yang Agung. Manakala di kalangan orang Kristien Barat mengenalinya sebagai Doktor Maximus. Ibn Arabi meninggal dunia pada abad ketiga belas – Lihat : Idries Shah (1999), *Jalan Sufi*, Surabaya : Risalah Gusti, hlm. 83

¹⁰ Muhammad Husain al-Dhahabi (t.th), *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, Beirut : Dar al-Kitab al-Hadisah, Juzuk II, hlm. 407. Lihat juga, Hassan Hamzah (2009), *Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam*, Anzagain Sdn. Bhd. dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara, Akademi Buku Malaysia, jld. 5, hlm. 140-141. Lihat juga, A. Ates (1986), *The Encyclopedia of Islam*, Netherland : E. J. Brill & Leiden, Jld. 3, hlm. 104. Lihat juga, Akilah Mahmud (2014) : Insan Kamil Perspektif Ibn Arabi, *Jurnal Sulesana* Vol. 9 No. 2, 33-45, hlm. 34

¹¹ H. Fauzan Naif (2011), *Menelusuri Jejak Langkah Ibn 'Arabi di Tanah Jawa*, Yogyakarta : UIN Sunan Kalijaga, hlm. 2. Lihat juga : Abdul Mukit Ridwan (2016) : Ibn 'Arabi; Epistemologi Dan Kontroversi, *Jurnal El-Furqania* Vo l. 02, No. 01, hlm. 93. Lihat juga, Noer Iskandar Al-Barsani (2001), *Tasawuf , Tarekat & Para Sufi*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, hlm. 153

¹² Ibid, hlm. 1. Lihat juga, Ibn 'Arabi (t.th), *al-Futuh al-Makkiyyah*, Mesir : Dar al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, juz : IV, hlm. 154

masing mengambil manfaat hasil daripadanya¹³. Sewaktu usianya menjangkau 30 tahun, nama Ibn Arabi sudah terkenal di kalangan para ahli sufi. Selain itu, beliau juga turut terkenal di kalangan para ulama fiqh di beberapa wilayah di seluruh Andalusia dan Barat¹⁴.

Ibn Arabi merupakan seorang penulis yang terkenal dengan karyanya yang banyak. Jumlah karya yang terdapat di seantero dunia Islam tidak pasti, namun ianya dianggarkan sekitar tiga ratus (300) buah buku serta seratus lima puluh (150) buah karya. Sebahagian karya-karyanya telah disusun di dalam katalog oleh Brockelman dan sekarang ini berada di pelbagai perpustakaan di seluruh dunia¹⁵. Ibn Arabi meninggal dunia pada hari Jumaat, 28 Rabiulakhir tahun 638H bersamaan dengan 16 November 1240M¹⁶.

Seorang lagi tokoh yang akan dikaji oleh penulis adalah Maulana Jalaluddin al-Rumi. Nama sebenar beliau adalah Jalaluddin Muhammad bin Hassin al-Khattabi al-Bakri. Namun beliau lebih dikenali sebagai Jalaluddin al-Rumi atau Rumi sahaja. Beliau dilahirkan di Balkhi yang sekarang adalah kota di bahagian utara Afghanistan pada 6 Rabiulawal 604H bersamaan dengan 30 September 1207M iaitu pada abad kedua belas dan abad ketiga belas Masehi. Daerah Balkhi di saat itu merupakan wilayah Kerajaan Khwarazmshyah¹⁷. Manakala istilah ‘Rumi’ pula adalah diambil

¹³ Ibid, hlm. 2, Lihat juga, Ibn ‘Arabi (t.th), *al-Futuhat al-Makkiyyah*, Mesir : Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah al-Kubra, juz : IV, hlm. 155

¹⁴ Ibid, hlm. 2. Lihat juga, Ibn ‘Arabi (1367H), *Tafsir al-Qur’an al-Karim*, Beirut : Dar al-Yaqdizyah al-‘Arabiyyah, hlm. 1

¹⁵ Moulvi S.A.Q. Husaini (1931), *Ibn ‘Arabi: The Great Muslim Mystic and Thinker*, Lahore : Muhammad Ashraf Publishing, hlm. 30

¹⁶ H. Fauzan Naif (2011), *Menelusuri Jejak Langkah Ibn ‘Arabi di Tanah Jawa*, Yogyakarta : UIN Sunan Kalijaga, hlm. 3. Lihat juga : Muhammad Luthfi Jum’ah (1927), *Tarikh Falasifat al-Islam fi al-Masyriq wa al-Maghrib*, Mesir : Najib Muntaza, hlm. 292

¹⁷ M. Maulana Marsudi (2017) : Tasawuf Jalaluddin Ar-Rumi Perspektif Annemarie Schimmel, *Jurnal Al-Hikmah Vol. 3, No. 1*, hlm. 63. Lihat juga, Mulyadhi Kartanegara (2004), *Jalal Al-Din Rumi : Guru Sufi dan Penyair Agung*, Jakarta : Teraju, hlm. 1. Lihat juga, Haidar Bagir (2015), *Belajar Hidup dari Rumi, Serpihan-Serpihan Puisi Penerang Jiwa*, Bandung : Pustaka Mizan, hlm. 281

daripada sebuah daerah Qunawi atau Balkah yang terletak di dalam wilayah kekuasaan Kerajaan Byzantium atau Rom Timur¹⁸.

Jalaluddin al-Rumi membesar di pusat kebudayaan Parsi, Balkhi yang merupakan produk kebudayaan Islam Parsi pada abad ke tujuh hingga ke tiga belas, yang merangkumi seluruh bahagian Timur wilayah Islam dan kini ianya dikenali sebagai Iran, Turki, Afghanistan, Asia Tengah dan benua Indo-Pakistan¹⁹.

Jalaluddin al-Rumi telah banyak mendalami serta mempelajari pelbagai ilmu khususnya di dalam ilmu-ilmu Islam. Selain itu, beliau juga turut mempelajari bahasa Arab, al-Quran, Hadith, usul fiqh, tafsir, astronomi, nahu, sastera, sejarah, falsafah, teologi, ilmu logik dan matematik pada usia muda. Sehingga pada saat ayahnya meninggal dunia pada tahun 628H bersamaan tahun 1231M, beliau telah dapat menguasai semua bidang keilmuan tersebut²⁰.

Jalaluddin al-Rumi merupakan seorang ‘Penyair Sufi’ yang sangat produktif. Menurut Arberry, Jalaluddin al-Rumi telah berkecimpung di dalam dunia Syair Sufi selama 27 tahun dan di dalam tempoh tersebut, beliau banyak menghasilkan karya-karya yang sangat hebat²¹.

Jalaluddin al-Rumi meninggal dunia pada 5 Jamadil Akhir 672H bersamaan 16 Disember 1273M. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam keadaan

¹⁸ Anwar Kholid (2000), *Jalaluddin al-Rumi Yang Mengenal Dirinya Yang Mengenal Tuhannya : Aforisme-Aforisme Sufistik*, Bandung : Pustaka Hidayah, hlm. 9

¹⁹ Sayyid Hossein Nasr (1993), *Spiritualitas dan Seni Islam*, terj. Sutejo, Bandung : Pustaka Mizan, hlm. 128. Lihat juga, Zayyin Alfi Jihad (2011) : Kisah Cinta Platonik Jalaluddin al-Rumi, *Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* Vol. 1, No. 2, hlm. 198. Lihat juga, Anwar Kholid (2000), *Jalaluddin Rumi, Yang Mengenal Dirinya Yang Mengenal Tuhannya : Aforisme-Aforisme Sufistik*, Bandung : Pustaka Hidayah, hlm. 9

²⁰ Zayyin Alfi Jihad (2011) : Kisah Cinta Platonik Jalaluddin al-Rumi, *Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* Vol. 1, No. 2, hlm. 199

²¹ Ibid, hlm. 200

bahagia serta dikelilingi oleh ramai anak murid spiritualnya dan juga ahli keluarga terdekatnya. Jenazahnya dimakamkan di Konya, Turki²².

Sebagai kesimpulan, penulis berpendapat bahawa, manusia berperanan penting dalam kehidupan di dunia ini, agar mereka dapat mengimarahkan bumi dengan melakukan berbagai kebaikan, amal soleh, menegakkan keadilan, mewujudkan kestabilan, keamanan dan ketamadunan. Oleh sebab itu, penulis akan melakukan analisis secara holistik terhadap konsep *Tazkiyah al-Nafs* berdasarkan kepada perspektif Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi terhadap konsep tersebut. Walaupun sememangnya sudah ada kajian yang telah dilakukan ke atas mereka berdua, namun pada pandangan penulis, kajian ke atas kedua-dua tokoh ini perlu diterokai dengan mendalam lagi berdasarkan kepada objektif kajian penulis. Selain itu, dalam kajian ini juga, penulis akan menonjolkan kedua-dua tokoh sebagai sebahagian ilmuwan yang unggul di dalam dunia Islam masa kini yang sewajarnya dicontohi dan dikenali umum. Hal ini kerana, matlamat Allah SWT mencipta manusia adalah sebagai khalifah dan ianya bertujuan untuk mengimarahkan bumi Allah SWT ini dengan hukum-hukum-Nya di samping bertujuan untuk menguji manusia. Justeru, *Tazkiyah al-Nafs* merupakan suatu kaedah untuk menyucikan hati dan jiwa manusia agar ianya kembali kepada fitrah kejadiannya serta dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan Allah SWT kerana manusia merupakan makhluk unggul untuk memakmurkan bumi.

²²

Sayyid Hossein Nasr (1993), *Spiritualitas dan Seni Islam*, terj. Sutejo, Bandung : Mizan, hlm. 134. Lihat juga, Zayyin Alfi Jihad (2011) : Kisah Cinta Platonik Jalaluddin al-Rumi, *Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* Vol. 1, No. 2, hlm. 200

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat moden pada masa kini tidak dapat dilupakan daripada sejarah gerakan pembaharuan pemikiran orang-orang Barat yang turut dikenali sebagai *Renaissance*²³. Selain itu, di antara ciri yang ditonjolkan untuk menjadi pegangan manusia adalah *antroposentrik*²⁴, iaitu meletakkan autonomi manusia di atas segala-galanya. Hidup manusia dikuasai dengan budaya materialistik dan sekularistik. Hal keadaan tersebut tidak lagi memperhati atau mempedulikan kehidupan yang mengakui adanya Tuhan. Manusia hanya sekadar mengetahui fakta semata-mata. Justeru, di tengah kehidupan yang sedemikian, manusia memerlukan kesegaran pada tingkat pegangan beragama yang lebih bersifat mendalam agar perjalanan hidup manusia lebih terarah dan dipimpin²⁵.

Akibat logik dari realiti pola kehidupan tersebut, tidak ada sedikitpun manusia pada era moden ini yang dapat lari daripada mengalami gangguan kejiwaan, yang pada akhirnya memberi impak yang sukar kepada manusia di dalam memperolehi kebahagiaan dan ketenangan di dalam kehidupan. Para ilmuwan psikologi seperti Erich From, Carl Gustav Jung dan Rollo May, mereka telah memperkatakan bahawa hidup di zaman moden pada masa kini telah menghancurkan

²³ *'Renaissance'* bermaksud *'kelahiran kembali'*. Dari sudut etimologi, *Renaissance* berasal dari Bahasa Latin iaitu perkataan *'Re'* bermaksud *'kembali'* manakala *'naitre'* pula membawa maksud *'kelahiran'*. Justeru, perkataan *'Renaissance'* dapat diterjemahkan sebagai suatu masa peralihan pada abad pertengahan ke abad modern yang ditandai dengan lahirnya berbagai penemuan dan ciptaan baharu yang diilhamkan oleh kebudayaan Eropah Klasik iaitu kebudayaan Yunani dan Romawi yang dilihat lebih bersifat duniawi. Lihat, Harry Hamersma (1986), *Tokoh-tokoh Filsafat Barat Modern*, Jakarta : Gramedia, hlm. 3. Lihat juga, Saifullah (2014) : *Renaissance dan Humanisme Sebagai Jembatan Lahirnya Filsafat Modern*, *Jurnal Ushuluddin Vol. XXII No. 2*, Juli 2014, hlm. 133

²⁴ Antroposentrik adalah nilai yang berorientasikan masyarakat. Lihat, Zurina Mahadi & Hukil Sino (2006) : *Hubungan Nilai Alam Sekitar dan Nilai Peribadi: Satu Analisa*, *Jurnal Pengajian Umum bil. 7*, hlm. 2

²⁵ Tim Dosen Prodi (2012), *Tashawuf dan Akhlak STAI al-Fithrah*, *Kurikulum Prodi Akhlak dan Tashawuf*, Surabaya : al-Wawa Publising, hlm. 3

taraf kejiwaan manusia²⁶. Hal ini kerana kehidupan manusia moden telah banyak mengundang kekacauan dan ketegangan ke atas jiwa. Kian maju sesebuah masyarakat, maka ianya menjadi semakin sukar bagi mendapatkan kebahagiaan dan ketenangan di dalam hidup. Hal ini disebabkan keperluan hidup manusia semakin bertambah dan meningkat. Oleh yang demikian, ianya akan mewujudkan serta meningkatkan lagi persaingan serta perebutan peluang dan keuntungan material²⁷.

Sifat manusia yang gemar mengejar kemewahan hidup bagi memenuhi tuntutan kehidupan masa kini agar tidak dilihat sebagai ketinggalan zaman, akan menyebabkan ketegangan jiwa yang akhirnya membawa kepada implikasi yang disebut sebagai *destruktif*²⁸, iaitu suatu tindakan yang mengarah kepada perbuatan negatif²⁹. Sebagai contoh melakukan kerosakkan tanpa tujuan, ketidakseimbangan dalam pemikiran, ketegangan hidup serta kekhuatiran yang tidak beralasan dan sebagainya. Keadaan ini akhirnya, secara perlahan akan mewujudkan sikap yang negatif, konservatif serta kaku terhadap persekitaran³⁰.

Selain itu, menurut Azlina Abdullah, sejarah pembangunan di negara-negara maju telah memperlihatkan bahawa keadaan yang semakin meningkat dengan kapitalisme melalui proses pemodenan dan perindustrian Revolusi Sains dan Industri, maka kian bertambah pula persoalan yang timbul di dalam komuniti. Menurut beliau lagi, sebahagian masalah sosial yang terdapat di Malaysia acapkali dikaitkan dengan proses urbanisasi serta proses transformasi komuniti yang dilihat

²⁶ Zakiah Derajat (1983), *Islam dan Kesehatan Mental*, Jakarta : Gunung Agung Publisher, hlm. 12

²⁷ Ibid

²⁸ 'Destruktif' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud 'merosak'. Manakala menurut Robert H. Lauher, istilah 'destruktif' merupakan adalah bersifat memusnahkan dan ianya merupakan konflik yang muncul kerana adanya perasaan tidak senang, rasa benci dan dendam dari seseorang ataupun kelompok terhadap pihak lain. Lihat, Robert H. Lauer (2001), *Perspektif Tentang Perubahan Sosial*, Jakarta : PT. Rineka Cipta, hlm. 98

²⁹ Al-Qussi (1986), *Usus al-Sihah al-Nafsiyyah*, Cairo : Dar Naz'ah al-Misriyyah, hlm. 17

³⁰ Ibid

secara mendadak. Justeru, Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan atau diperkenalkan semenjak Kemerdekaan Negara bukan sahaja telah merancakkan lagi proses urbanisasi Negara serta perindustrian, malah ianya turut mendatangkan kesan kepada wujudnya krisis norma dan nilai serta keterasingan komuniti di dalam kalangan sebahagian golongan masyarakat khususnya golongan muda dan kelompok remaja. Pelbagai faktor telah menyebabkan berlakunya keadaan tersebut, antaranya disebabkan keadaan sosioekonomi yang secara relatifnya rendah di samping ketidakupayaan bagi sesetengah anggota komuniti setempat untuk memenuhi kehendak umum berkaitan isu pekerjaan, kedudukan, kejayaan, status yang baik serta pemilikan barangan konsumen³¹.

Robert K. Merton pula menyatakan bahawa kelompok minoriti dan miskin dalam masyarakat industri telah mensasarkan kekayaan serta kemewahan dalam kehidupan mereka dan ianya menjadi matlamat utama. Keinginan mereka hanyalah berkisar untuk mendapatkan wang, kedudukan, status, mendapatkan barangan keperluan dan sebagainya. Beliau turut menyatakan bahawa bagi memenuhi matlamat tersebut melalui jalan yang sah serta diterima oleh komuniti lain tidak semua anggota masyarakat memperoleh peluang yang sama. Tekanan hidup boleh membuatkan seseorang individu bertindak merlanggar nilai serta norma kehidupan semata-mata untuk memenuhi tuntutan dan keinginannya, disebabkan oleh peluang yang ada tidak tersebar dengan adil dalam masyarakat³².

Sehubungan dengan itu, Azyyati *et. al* menyatakan bahawa gejala sosial yang kian menjadi-jadi sejak kebelakangan ini menimbulkan rasa bimbang

³¹ Azlina Abdullah (2010) : Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia, *Jurnal Akademika 78* (Jan. – April) 2010: 3-14, hlm. 4

³² Merton R.K (1957), *Social Theory and Social Structure*, New York : The Free Press, hlm. 672. Lihat juga, Azlina Abdullah (2010) : Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia, *Jurnal Akademika 78* (Jan. – April) 2010: 3-14, hlm. 5

khususnya ibu bapa. Hal keadaan masa kini yang keliru dan gawat telah memberi kesan mendalam terhadap akidah khususnya golongan remaja. Jika suatu ketika dahulu, masyarakat pernah dengan kewujudan golongan atau kumpulan black metal yang menghina al-Quran dan agama oleh pengikut-pengikutnya. Namun kini muncul pula gejala baharu, iaitu golongan *ateisme* iaitu golongan atau kumpulan yang tidak mempercayai kepada wujudnya Tuhan. Menurut Azyyati *et. al* lagi, hal ini disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran luar yang negatif. Contohnya seperti hubungan dalam keluarga, kumpulan kawan-kawan sebaya, sokongan dan dokongan sosial serta sumber komuniti di samping mutu dan kualiti kehidupan. Selain itu, institusi-institusi tertentu juga turut berkait rapat hubungannya dengan proses perkembangan serta perlakuan dalam kalangan para remaja. Oleh yang demikian, persekitaran luar yang negatif juga dianggap sebagai antara salah satu faktor yang berisiko dalam menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada perilaku yang negatif khususnya di kalangan remaja³³.

Penulis berpendapat, aktiviti negatif remaja akhirnya menjadikan jiwa mereka kosong. Lantaran kekosongan jiwa, menyebabkan rohani mereka juga menjadi lemah yang akhirnya diri mereka tidak mempunyai daya tahan di dalam mengharungi liku-liku dan tekanan hidup. Intan *et al.* menyatakan bahawa gejala histeria merupakan salah satu permasalahan sosial di Malaysia dan ianya telah lama wujud. Menurut beliau, gejala histeria adalah manifestasi daripada tekanan perasaan yang dialami serta dizahirkan kepada perilaku. Tekanan emosi atau *stress*, kebimbangan dan kemurungan merupakan antara aspek yang tidak dapat dinafikan. Menurut Intan *et al.*, Kendell menyatakan dari sudut psikologi, gejala histeria merupakan gangguan kepada emosi serta perasaan dan keadaan ini terlalu menekan di dalam individu. Ahli

³³

Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham dan Salasiah Hanin (2013) : Ciri-ciri Remaja Berisiko : Kajian Litterratur, *Jurnal Islamiyyat* 35(1) 2013: 111-119, hlm. 112-113

psikologi telah melihat gejala histeria dari sudut psikologi. Hal tersebut bermula daripada seseorang yang mengalami keadaan tekanan atau kebimbangan yang teramat sangat seterusnya meluahkan tekanan perasaan tersebut melalui tingkah laku histeria. Lazimnya, mereka yang mudah histeria adalah terdiri daripada kalangan remaja. Intan menyatakan, ketika zaman remaja ini selalunya dibimbangi oleh lingkaran tekanan emosi serta konflik yang pada kebiasaannya turut mempengaruhi perkembangan serta pertumbuhan mereka hingga peringkat berikutnya. Sehubungan dengan itu, apabila para remaja tidak dapat mengawal dan menguruskan setiap perubahan sosial yang berlaku dalam tempoh tersebut, para remaja sangat terdedah kepada berlakunya gangguan serta tekanan emosi. Justeru, fungsi remaja untuk lebih produktif akan terganggu dengan berlakunya tekanan emosi ke atas mereka seperti tekanan perasaan, kebimbangan, gangguan emosi, murung, runsing dan sebagainya. Oleh yang demikian, mereka akan bertindak secara berlebihan dan di luar kawalan seperti agresif, menjerit dan meracau-racau. Perkara ini terjadi apabila mereka berada di dalam keadaan emosi yang sangat tertekan dan melalui cara begini ianya dilihat sebagai salah satu cara atau kaedah untuk menyalurkan tekanan emosi yang telah dialami dan juga merupakan sebagai satu jalan untuk meminta pertolongan. Gejala ini juga turut berkait rapat dengan kekuatan spiritual seseorang menurut perspektif Islam. Kekuatan spiritual merupakan faktor yang sangat penting bagi seseorang Muslim. Justeru, bagi remaja Muslim, mereka seharusnya mempunyai dua kekuatan, iaitu kekuatan fizikal dan kekuatan spiritual. Kedua-dua kekuatan tersebut adalah sebagai benteng kepada diri mereka daripada berlakunya kejadian seperti histeria apabila mereka berada di dalam situasi gangguan emosi dan tekanan perasaan³⁴.

³⁴

Intan Farhana Saparudin, Fariza Md.Sham dan Salasiah Hanin Hamjah (2014) : Faktor

Salasiah Hanim Hamjah memetik kata-kata daripada Sigmund Freud (1856-1939) melalui teori psikonalisisnya berpendapat bahawa di dalam membentuk keperibadian seseorang, perasaan bimbang sangat berperanan penting. Hal ini kerana perasaan bimbang adalah keadaan negatif yang dilalui serta dialami oleh seseorang dan ianya merupakan gabungan di antara perasaan cemas, risau, bimbang, gelisah, runsing, seram, takut dan lain-lain emosi serta ianya berlaku tanpa sebab malah sangat susah untuk dikenal pasti. Lazimnya perasaan bimbang ini akan turut disertai dengan perubahan psikologi. Selain itu, ianya juga turut merupakan suatu perasaan takut atau bimbang akan sesuatu perkara yang tidak pasti puncanya, malah ianya akan disertai dengan tekanan perasaan. Menurut Salasiah lagi, seseorang pekerja yang merasa bimbang dengan prestasi yang kurang memberangsangkan mutu dan hasil kualiti kerja akan terus meningkatkan lagi usaha untuk mencapai target sasaran kerjanya. Situasi seperti ini merupakan tahap kebimbangan yang sederhana dan ianya merupakan sesuatu yang baik. Sebaliknya jika tahap kebimbangan seseorang itu berada pada paras yang optimum, ianya akan mengakibatkan gejala yang negatif seperti tidak gembira, sedih, kemurungan, tidak mempunyai keyakinan diri serta lebih parah lagi ia tidak menaruh sebarang harapan lagi dalam kehidupan³⁵.

Selain daripada itu, menurut Zakaria Stapa, pendekatan Ilmu Tasawuf melalui *Tazkiyah al-Nafs* amat sesuai menjadi alat dan wahana pembentuk jati diri ummah. Hal ini kerana kedudukan nilai, etika dan moral yang semakin merosot di kalangan manusiawi. Perkara ini berlaku di mana-mana sahaja, malah ianya berlaku dalam pelbagai kalangan masyarakat sehingga boleh dikatakan setiap hari tersebar di

Gangguan Emosi Dalam Fenomena Histeria Massa Remaja Muslim, *Jurnal al-Hikmah* 6 (2014): 3-20, hlm. 4-5

³⁵ Salasiah Hanin Hamjah (2010) : Kaedah Mengatasi Kebimbangan Dalam Kaunseling : Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali, *Jurnal Hadhari* 3 (1) (2010) 41-57, hlm. 43

media masa berbagai berita tentang kenakalan serta kejahatan dan ianya berlaku bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan³⁶.

Segala keinginan seseorang itu datangnyanya daripada keinginan dan dorongan jiwa dan hatinya. Kadangkala peranan jiwa dan hati ini dilihat sangat berkaitan dalam membentuk keperibadian serta aktiviti seseorang itu. Oleh yang demikian, untuk membersihkan hati adalah perlu secara berterusan merenung kebenaran bagi membantu melahirkan perubahan dalam sikap mental seseorang³⁷.

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya³⁸ :

“Sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada segumpal darah. Apabila gumpalan darah itu baik, maka baiklah seluruh jasad, dan apabila ianya rosak, maka akan rosak seluruh jasad. Ketahuilah, bahawa gumpalan darah tersebut adalah hati”.

Oleh kerana itu, pemulihan hati dan jiwa sebagai penggerak manusia yang sering disebut sebagai *Tazkiyah al-Nafs* adalah sangat penting dan merupakan keutamaan asas yang perlu diperhatikan serta dipenuhi agar dengan itu, dapat melahirkan rohani, hati dan jiwa individu yang bersih. Memulih dan membersihkan hati adalah proses menyucikan hati dari kecintaan terhadap harta benda serta keseronokkan dunia di samping menghilangkan setiap tekanan, kesedihan, kedukaan dan kebimbangan ke atas sesuatu yang tidak bermanfaat. Oleh itu, keadaan tersebut

³⁶ Zakaria Stapa (2012), *Pendekatan Tasawuf Dan Tarekat, Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, Bangi : UKM, hlm. 5

³⁷ Mir Valiuddin (1980), *Zikir & Kontemplasi Dalam Tasawuf*, terj. M.S Nasrullah, Bandung : Pustaka Hidayah, hlm. 75

³⁸ Sahih Muslim, Hadis no. 1599

akan melahirkan sebuah keluarga dan masyarakat yang soleh serta ianya jauh daripada kebingungan dan ketegangan hidup di dalam merebut materialistik³⁹.

Oleh yang demikian, penulis melihat terdapat beberapa permasalahan kajian daripada semua kenyataan di atas. Justeru, penulis telah ringkaskan kepada tiga permasalahan utama, antaranya adalah seperti bertikut :

- i. Penulis berpandangan, permasalahan pertama adalah penelitian berkaitan *Tazkiyah al-Nafs* dalam konteks pendidikan remaja boleh dikembang serta dimantapkan lagi. Hal ini kerana, melalui proses *Tazkiyah al-Nafs*, para remaja dilihat mampu membimbing diri dan jiwa agar bersikap positif di dalam menentukan matlamat hidup di dunia ini.
- ii. Penyelidikan berkaitan *Tazkiyah al-Nafs* oleh Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi dalam literasi semasa perlu diluaskan kajian khususnya di dalam masyarakat masa kini. Hal ini kerana, melalui kajian-kajian seumpama ini, dilihat mampu mendidik masyarakat ke arah mencapai kehidupan yang sejahtera serta diredhai Allah SWT.
- iii. Penulis akan meluaskan kajian berkenaan elemen *Tazkiyah al-Nafs* berdasarkan kepada kedua-dua tokoh iaitu Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi. Hal ini kerana, penulis berpandangan ianya perlu dinukilkan dalam bentuk pengamalan tersirat serta perlu dibongkarkan dan dijadikan rujukan yang boleh dipraktiskan dalam masyarakat masa kini.

³⁹

Mir Valiuddin (1980), *Zikir & Kontemplasi Dalam Tasawuf*, terj. M.S Nasrullah, Bandung : Pustaka Hidayah, hlm. 61

Berdasarkan kenyataan di atas, ianya telah mendorong penulis untuk mencari sebuah konsep yang sesuai sebagai suatu solusi berkaitan *Tazkiyah al-Nafs* menurut pandangan Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi. Hal tersebut akan menunjukkan kaedah penyelesaian kepada manusia di dalam usaha memperbaiki akhlak yang dimulakan dengan penyucian hati dan pembersihan jiwa. Selain itu, *Tazkiyah al-Nafs* juga merupakan sebahagian daripada prinsip-prinsip dan makna universal di dalam al-Qur'an⁴⁰. Justeru, dengan mengangkat nilai-nilai *Tazkiyah al-Nafs* di dalam al-Qur'an serta menurut pandangan Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi, adalah diharapkan ianya mampu segar dengan realiti sosial melalui spiritual agar memungkinkan adanya penyiraman jiwa dari kekeringan penghayatan iman dan kemiskinan batin.

Sebagai kesimpulan, kajian ini adalah untuk mengkaji latarbelakang serta sejarah hidup Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi dalam konteks kebijaksanaan mereka di dalam menguasai kepelbagaian bidang ilmu sama ada ilmu dunia mahupun akhirat. Selain itu, penulis akan menganalisis konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut pandangan Islam serta menurut kedua-dua tokoh terhadap konsep tersebut. Di samping itu, penulis juga akan melakukan analisis secara menyeluruh terhadap konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut pandangan kedua-dua tokoh dan pemikiran mereka terhadap konsep tersebut berdasarkan kepada objektif penulis yang akan dijelaskan, diurai dan dibincangkannya di dalam bab empat.

⁴⁰

Yusuf al-Qardawi (1999), *Kaif Nata'amal Ma'a al-Qur'an*, Cairo : Dar al-Syuruq, hlm. 92

1.2 KAJIAN LITERATUR

Bentuk penulisan kajian dan karya terdahulu adalah menjadi sandaran dan rujukan utama dalam penulisan ini. Walaupun banyak kajian dan penulisan-penulisan terdahulu telah dilakukan ke atas Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi, namun penulis akan mengkaji secara berfokus kepada tajuk kajian. Sumber kajian tersebut tidak terhad kepada rujukan satu bahasa malah pelbagai bahasa. Terdapat juga kajian oleh pengkaji terdahulu mengkaji secara perbahasan umum dan ada juga secara berfokus terhadap aspek-aspek tertentu. Oleh yang demikian, di dalam penulisan kajian ini, penulis akan memberi fokus kepada tajuk kajian ***“Kajian Perbandingan Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Ibn Arabi Dan Jalaluddin al-Rumi”***

1.2.1 KAJIAN LEPAS

Hayu A’la Aslami, ‘*Konsep Tazkiyah al-Nafs dalam Kitab Ihya Ulumuddin Karya Imam al-Ghazali*’ menerangkan hubungan diantara *Tazkiyah al-Nafs* dengan pendidikan akhlak. Menurut pengkaji, proses *Tazkiyah al-Nafs* merupakan suatu proses penyucian hati dan jiwa daripada segala amalan serta perbuatan yang boleh mendatangkan dosa. Selain itu, *Tazkiyah al-Nafs* juga dilihat sebagai suatu usaha pembinaan akhlak mulia dan terpuji di dalam diri serta kehidupan manusia. Semua usaha tersebut adalah melalui proses penyucian hati dan jiwa. *Tazkiyah al-Nafs* adalah bertujuan memberi pembelajaran dan pendidikan yang sempurna kepada manusia khususnya untuk bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah SWT bagi mencapai kebahagiaan serta ketenangan sama ada di dunia mahupun di akhirat. Oleh yang demikian dalam kajiannya, Hayu A’la Aslami amat menekankan pendidikan

Tazkiyah al-Nafs dalam bimbingan dan pembinaan akhlak individu dan masyarakat⁴¹.

Penulis mendapati kajian pengkaji tersebut adalah khusus tentang *Tazkiyah Nafs* menurut Iman al-Ghazali sahaja. Oleh yang demikian perbezaan kajian di atas dengan kajian penulis adalah huraian tentang konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang akan penulis analisis secara holistik menurut dua tokoh iaitu Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi.

H. Sudardi, '*Model Pendidikan Islam dengan Pendekatan Spriritualistik di Sekolah Menengah Pertama (Studi Kasus di Sekolah Menengah Pertama Islam Bina Insani Susukan Kabupaten Semarang)*'. Kesimpulan daripada kajian pengkaji menjelaskan bahawa dalam ajaran Islam terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk membentuk pendidikan akhlak dan pembinaan spiritual terutamanya kepada pelajar. Menurut pengkaji juga metod *Tazkiyah al-Nafs* begitu penting dalam membina pembentukan jiwa Islam untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Pengkaji menjurus kajian kepada tokoh terkenal Imam al-Ghazali⁴².

Mahdi Dehghani Ferouz Abadi, '*Separation and Union in Selected Poems of Jalaluddin Rumi and William Blake in the light of Hermeneutics*' menyatakan bahawa Jalaluddin Rumi dan William Blake adalah penyajak yang terkenal. Penyajak Sufi ialah Jalaluddin Rumi manakala penyajak Rom adalah William Blake. Kedua-dua tokoh ini tidak kenal satu sama lain, malah hidup dalam persekitaran masyarakat, geografi, politik, dan agama yang sangat berbeza. Namun begitu menurut pengkaji,

⁴¹ Hayu A'la Aslami (2016), *Konsep Tazkiyatun Nafs dalam Kitab Ihya Ulumuddin Karya Imam al-Ghazali*, Tesis Sarjana, Institut Agama Islam Salatiga, Indonesia.

⁴² H. Sudardi (2005), *Model Pendidikan Islam dengan Pendekatan Spriritualistik di Sekolah Menengah Pertama (Studi Kasus di Sekolah Menengah Pertama Islam Bina Insani Susukan Kabupaten Semarang)*, Tesis Sarjana, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.

kedua-dua penyajak ini mengadaptasikan sajak atau puisi tentang tema yang sama, iaitu mengenai perpisahan dan penyatuan. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji telah membuat satu kajian perbandingan antara kedua tokoh ini mengenai satu tema iaitu perpisahan dan penyatuan serta perbezaan dan persamaan budaya, bahasa dan sebagainya tentang Sufisme dalam sajak Rumi dan bukan keagamaan merujuk kepada sajak Blake⁴³.

Setelah penulis meneliti tesis ini, didapati pengkaji tidak menyelidik konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut Jalaluddin al-Rumi. Oleh yang demikian, konsep kedua-dua tokoh ini akan penulis jelaskan dan huraikan secara terperinci dalam kajian penulis.

Uswatun Hasanah, '*Konsep Wehdah al-Wujud Ibn 'Arabi dan Manunggaling Kawulo Lan Gusti Ranggawarsita*', Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini tentang persamaan dan perbezaan pandangan konsep *Wehdah al-Wujud* diantara Ibn`Arabi dan Manunggaling Kawulo Lan Gusti Ranggawarsita. Menurut pengkaji juga konsep *Wehdah al-Wujud* Ibn `Arabi masih terpelihara dan tidak bercampur dengan kepercayaan agama Hindu-Buddha. Manakala konsep *Wehdah al-Wujud* Manunggaling Kawulo Lan Gusti telah dipengaruhi dengan kepercayaan Hindu-Buddha. Namun menurut pengkaji terdapat juga persamaan konsep *Wehdah al-Wujud* Ibn `Arabi dan Ranggawarsita, mereka menyatakan Tuhan adalah Pencipta

⁴³ Mahdi Dehghani Ferouz Abadi (2015), *Separation and Union in Selected Poems of Jalaluddin Rumi and William Blake in the light of Hermeneutics*, Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia

mutlak alam semesta dan segala sesuatu yang wujud dari alam ini adalah dari Tuhan⁴⁴.

Kesimpulan yang dapat penulis simpulkan bahawa dalam kajian tersebut tiada dihuraikan tentang konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut Ibn Arabi dan Jalluddin al-Rumi. Oleh yang demikian penulis akan jelaskan di dalam hasil penyelidikan nanti.

Arrazy Hasyim, *Kritik Para Ulama Terhadap Konsep Teologi Ibn 'Arabi'*, menurut pengkaji, Ibn 'Arabi merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang kuat menerapkan konsep teologis di dalam ajaran kesufiannya. Namun begitu beliau tetap menerima kritikan yang hebat daripada Ibn Taymiyyah. Hal ini adalah kerana satu isu ketika Ibn 'Arabi telah mengatakan bahawa Allah SWT adalah *Haqq* dan hamba juga adalah *Haqq*. Jesteru itu, menyebabkan Ibn 'Arabi telah digelar syiah. Namun begitu, gelaran syiah kepada Ibn 'Arabi telah ditepis dan tidak diterima sama sekali oleh seorang Syiah terkemuka iaitu al-Sayyid Murtadha al-'Amili. Beliau merupakan seorang tokoh besar Syiah temporari yang terkenal. Menurut pengkaji juga Ibn 'Arabi telah menyatakan bahawa teologi ada empat tingkatan. Pertama, iaitu akidah awam. Kedua, akidah ahli kalam atau lebih dikenali dengan *Ahl al-Rusum*. Ketiga, adalah akidah ahli sufi yang sebut sebagai *Ahl al-Ikhtishash*. Namun kajian pengkaji menyatakan bahawa Ibn 'Arabi adalah seorang Sunni dengan teologi al-Sya'irah Maturidiyah⁴⁵.

⁴⁴ Uswatun Hasanah (2015), *Konsep Wahdat al-Wujud Ibn 'Arabi dan Manunggaling Kawulo Lan Gusti Ranggawarsita*, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo, Indonesia.

⁴⁵ Arrazy Hasyim (2009), *Kritik Para Ulama Terhadap Konsep Teologi Ibn 'Arabi*, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Indonesia.

Hasil kajian ini penulis mendapati pengkaji hanya membincangkan kritikan oleh tokoh Islam lain kepada Ibn ‘Arabi. Penulis mendapati konsep yang akan diketengahkan oleh penulis akan dikaji dan dianalisis dengan lebih terperinci.

Menurut Muhammad al-Fayyadl, di dalam penulisan tesisnya, *Teologi Negatif Ibn ‘Arabi* menyatakan bahawa ajaran Ibn Arabi yang terkenal adalah tentang “*Wehdah al-Wujud*”. Ajaran tersebut telah mengangkat Ibn Arabi menjadi seorang ahli sufi serta tokoh sufi di dalam sejarah pemikiran Islam. Namun, kesimpulan bahawa beliau adalah seorang ahli sufi sahaja kurang tepat untuk mengungkap keseluruhan pemikirannya di sisi yang lain. Hal ini kerana pada asasnya Ibn Arabi bukan sahaja seorang ahli sufi seperti yang dikenali umum, malah beliau juga merupakan seorang ahli teori dan pemikir atau lebih tepat dikenali sebagai *Ahl al-Rusum* yang merumuskan kefahaman ilmu mengenali Tuhan dengan cara yang tersendiri⁴⁶.

Menerusi penulisan di atas, penulis mendapati, ianya hanya menyatakan tentang Ibn Arabi dari sudut kekuatan yang ada pada beliau khususnya dalam konteks pemikiran di dalam ilmu mengenali Tuhan. Di samping itu, ada beberapa pandangan-pandangan negatif terhadap Ibn Arabi berkenaan dengan konsep yang telah diperkenalkan oleh beliau iaitu “*Wehdah al-Wujud*”. Justeru, melalui telahan yang dilakukan oleh penulis ke atas penulisan ini mendapati tiada kajian yang mendalam tentang konsep *Tazkiyah al-Nafs* Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi sepertimana yang penulis akan terang serta jelaskan di dalam hasil penyelidikan nanti.

Humaini di dalam tesis beliau, *Konsep Tazkiyah al-Nafs Dalam al-Quran dan Implikasinya Dalam Pengembangan Pendidikan Islam* menyatakan bahawa manusia

⁴⁶ Muhammad Al-Fayyadl (2009), *Teologi Negatif Ibn Arabi*, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia

merupakan makhluk dwi dimensi dalam tabiat, potensi dan kecenderungan arahnya. Hal ini kerana ciri-ciri penciptaan manusia sebagai makhluk menjadikannya mempunyai potensi yang sama dalam kebaikan, keburukkan, petunjuk dan kesesatan. Manusia mampu membezakan kejahatan dengan kebaikan serta mampu untuk mengarahkan dirinya untuk memilih di antara keduanya. Menurut Humaini lagi, secara umumnya, istilah '*al-Nafs*' di dalam al-Quran merujuk kepada sisi dalam diri manusia yang memiliki potensi baik dan buruk. Manakala *Tazkiyah al-Nafs* pula merujuk kepada proses penyucian jiwa daripada perbuatan syirik dan dosa. Melalui proses tersebut, manusia melahirkan potensi diri yang positif dan berkualiti seperti akhlak yang luhur, perbadi mulia dan sahsiah diri yang unggul. Implikasi konsep *Tazkiyah al-Nafs* dalam pendidikan akan mengembangkan serta mengimbangi pendidikan Islam menerusi dua unsur iaitu rohani dan jasmani secara intergratif⁴⁷.

Setelah menelaah karya di atas, penulis mendapati konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang telah diketengahkan adalah secara umum menerusi al-Quran. Tiada penulisan khusus tentang konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi seperti yang akan penulis ketengahkan di dalam hasil kajian.

Che Zarrina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini di dalam Jurnal Afkar, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya menyatakan bahawa konsep penyucian hati juga disebut sebagai "*tazkiyah al-qalb*". Ianya merupakan intipati penting dalam perbincangan *Kitab Penawar Bagi Hati* yang disusun oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili. Menurut Che Zarina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini, di dalam kitab tersebut, Syeikh Abdul Qadir al-Mandili telah mendatangkan konsep penyucian hati melalui tiga komponen utama. Pertama kawalan dan pencegahan kerosakan tujuh anggota

⁴⁷ Humaini (2008), *Konsep Tazkiyatun Nafs Dalam al-Quran dan Implikasinya Dalam Pengembangan Pendidikan Islam*, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri (UIN) Malang, Indonesia

yang zahir. Kedua rawatan dan rehabilitasi sifat-sifat yang tercela iaitu sifat mazmumah. Manakala yang terakhirnya adalah suntikan penerapan sifat-sifat yang dipuji iaitu sifat mahmudah. Mereka berdua juga menyatakan bahawa penulisan jurnal tersebut akan memperkenalkan kaedah yang telah digarap secara sempurna oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili sebagai penyelesaian penyakit yang berpunca daripada hati⁴⁸.

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis mendapati konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang diketengahkan, adalah daripada Syeikh Abdul Qadir al-Mandili berdasarkan kitab *Penawar Bagi Hati* karangan beliau.

Menurut Zidni Nuran Noordin dan Zaizul Ab. Rahman pula di dalam Jurnal al-Turath yang bertajuk *Perbandingan Proses Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim* telah membuat perbandingan mengenai konsep menurut al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Sehubungan dengan itu, di dalam penulisan mereka telah mendapati terdapat perbezaan bagi kedua-dua tokoh yang telah dikaji. Al-Ghazali membahagikan *Mujahadah al-Nafs* kepada dua belas penyakit kejiwaan dan beliau mengemukakan rawatan bagi penyakit-penyakit tersebut. Manakala pandangan Ibn Qayyim mengenai proses *Mujahadah al-Nafs* adalah secara umum sahaja, tanpa beliau membahagikan perkara-perkara tersebut kepada beberapa komponen. Menurut penulis jurnal ini, tujuan pengamalan adalah untuk membimbing umat Islam ke jalan yang diredhai Allah SWT serta mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat⁴⁹.

Melalui kenyataan di atas, penulis mendapati konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang diketengahkan, adalah daripada Imam al-Ghazali dan Ibn Qayyim. Penulis jurnal di

⁴⁸ Che Zarrina & Nor Azlinah (2016) : Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al- Nafs, *Jurnal Afkar Vol. 18 Special Issue* (2016): 35-72

⁴⁹ Zidni Nuran Noordin dan Zaizul Ab. Rahman (2017) : Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim, *Jurnal al-Turath Vol. 2, No. 1*; 2017

atas telah membuat perbandingan mengenai konsep kedua-dua tokoh. Namun, konsep tersebut adalah bukan daripada tokoh yang akan dikaji oleh penulis.

Belinda Dwijayanti di dalam *Indonesian Journal Of Islamic Mysticism*, menyatakan penulisan yang telah dilakukan itu adalah bertujuan untuk menemui interpretasi tazkkiyatun nafs menurut ulama klasik dan moden. Mereka adalah al-Alusi dan Hamka. Hasil daripada penulisan tersebut, beliau mendapati pemurnian jiwa menurut kedua-dua tokoh ulama iaitu al-Alusi dan Hamka telah memurnikan jiwa dari fahaman ateis, politeisme, dan tindakan kejahatan. Natijah daripada pemurnian jiwa tersebut adalah menggapai ketenangan jiwa serta kebahagiaan di dunia dan akhirat⁵⁰.

Penulisan artikel di atas, penulis mendapati konsep *Tazkiyah al-Nafs* yang diketengahkan, adalah daripada Al-Alusi dan Hamka. Penulis artikel tersebut juga telah melakukan perbandingan mengenai konsep *Tazkiyah al-Nafs* daripada kedua-dua tokoh. Akan tetapi, konsep tersebut adalah bukan daripada tokoh yang akan dikaji oleh penulis.

Mohammad Muchlis Solichin di dalam artikel beliau, *Sebagai Ruh Rekonstruksi Sistem Pendidikan Islam*, menyatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan proses penghantaran nilai dan doktrin Islam kepada pelajar untuk memahami, menginternalisasi dan mengamalkannya dengan tepat. Sementara itu, inti doktrin Islam antara lainnya adalah untuk menanamkan akhlak yang baik dan ianya adalah di antara salah satu misi diutusny Nabi Muhammad SAW iaitu penyempurnaan akhlak manusia. Menurut beliau, penulisannya ini adalah sebahagian

⁵⁰ Belinda Dwijayanti (2015) : Tazkiyatun Nafs In Classical And Modern Islamic Tradition Qur'anic Worldview, *Indonesian Journal of Islamic Mysticism*, Volume 4, Number 2, 2015

usaha untuk menelaah ruh pendidikan Islam yang bertujuan mencapai darjat akhlak yang mulia dengan melalui penyucian jiwa atau hati⁵¹.

Penulis, mendapati daripada artikel di atas, tiada penulisan yang menyeluruh terhadap *Tazkiyah al-Nafs* menurut perspektif Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi. Konsep tersebut, akan penulis huraikan berdasarkan pandangan kedua-dua tokoh di dalam kajian kelak.

M. Maulana Marsudi menerusi tulisan artikelnya, *Tasawuf Jalaluddin Ar-Rumi Perspektif Annemarie Schimmel*, menyatakan bahawa kebanyakan Orientalis tidak faham tentang Islam seperti yang mereka lakukan untuk menyentuh seekor gajah. mereka menerangkannya mengikut bahagian badan yang disentuh oleh tangan. Perumpaan seekor gajah muncul seperti takhta, kipas, paip air, tiang dan sebagainya. Menurut penulis artikel tersebut, tokoh yang dikaji oleh beliau iaitu Schimmel cuba untuk memahami Islam melalui jalan kesufian (sufisme) dengan sangat menggunakan pendekatan *Fenomenologi*. Hasilnya, beliau kagum kepada orang-orang orientalis dan kebanyakan umat Islam. Jalaluddin al-Rumi merupakan salah seorang ahli sufi yang menyempurnakan pengertian untuk melewati Cinta Ilahi⁵².

Penulis mendapati bahawa tulisan artikel di atas tiada menerangkan konsep *Tazkiyah al-Nafs*, sebaliknya menjelaskan konsep Cinta Ilahi menurut pandangan Jalaluddin al-Rumi dari sudut jalan ilmu Tasawuf. Sehubungan dengan itu, penulis akan mengkaji konsep *Tazkiyah al-Nafs* menurut pandangan Ibn Arabi serta Jalaluddin al-Rumi.

⁵¹ Mohammad Muchlis Solichin (2009) : *Tazkiyah al-Nafs Sebagai Ruh Rekonstruksi Sistem Pendidikan Islam*, *Jurnal Tadris*, Volume 4, Nombor 1. 2009, Islamic Education Journal

⁵² M. Maulana Marsudi (2017) : *Tasawuf Jalaluddin Ar-Rumi Perspektif Annemarie Schimmel*, *Jurnal Al-Hikmah*, Volume, 3 Nombor, 1, Januari 2017

Gerhana Samsi di dalam jurnalnya membicarakan tentang *Nilai-Nilai Tasawuf* Dalam buku *Puisi Menari Bersama Rumi Karya Jalaluddin Rumi* menjelaskan bahawa secara umumnya, penelitian karya sastra keagamaan jenis puisi tersebut adalah bermatlamat untuk mencapai deskripsi secara objektif tentang “nilai nilai tasawuf” yang ada dalam buku puisi “*Menari Bersama Rumi*” karya Jalaluddin Rumi. Secara khususnya penulis jurnal ini membuat penelitian di dalam mengkaji tujuh nilai yang tujuannya adalah untuk pertama, mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai taubat. Kedua, mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai zuhud. Ketiga, mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai fakir. Keempat, mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai sabar. Manakala yang kelima pula adalah untuk mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai syukur. Keenam, mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar nyata dalam nilai redha dan yang terakhirnya adalah untuk mendeskripsikan nilai tasawuf yang tergambar dalam nilai tawakkal⁵³.

Menerusi artikel di atas, penulis mendapati terdapat nilai-nilai *Tazkiyah al-Nafs* menurut Jalaluddin al-Rumi. Namun tidak dinyatakan bahawa ianya adalah *Tazkiyah al-Nafs*. Penulis akan mengembangkan lagi konsep tersebut menurut perspektif Jalaluddin al-Rumi di dalam kajian dan penulis kelak.

Zayyin Alfi Jihad di dalam penulisan artikelnya yang bertajuk *Kisah Cinta Platonik Jalal al-Din al-Rumi* menyakan bahawa penyelidikan tersebut adalah untuk mencari punca utama konsep cinta Jalal al-Din al-Rumi. Hal ini adalah kerana, ianya juga untuk membangunkan kaedah Sufisme yang menghubungkan hati manusia

⁵³ Gerhana Samsi (2014) : Nilai-Nilai Tasawuf Dalam buku Puisi “Menari Bersama Rumi” Karya Jalaluddin Rumi, *Jurnal NOSI, Volume 2, Nombor 5*